

PIPP kemas kini keperluan pendidikan negara

PELAN Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 - 2010 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri memperlihatkan keprihatinan kerajaan mahu mengangkat darjat pendidikan negara ke peringkat antarabangsa sekali gus mahu melahirkan insiden cemerlang dalam segenap aspek.

Pelan yang dirancang secara terperinci ini menggariskan enam teras iaitu membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasa sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profeson perguruan, dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

Walaupun dunia pendidikan yang sedia ada tidak mendatangkan pelbagai masalah dan kesukaran tetapi oleh sebab perubahan zaman yang menuntut seribu macam pembaharuan dan pendekatan, PIPP wajar diwujudkan sebagai usaha memajukan negara apatah lagi pendidikan sebagai penggerak kemajuan tersebut.

Oleh hal demikian, kerajaan sentiasa mahu mengemas kini dan juga merubah pelbagai aspek dalam bidang pendidikan supaya apa yang didedahkan kepada warga pelajar tidak kira di sekolah rendah mahupun menengah selaras dengan kehendak atau aspirasi negara malah dunia aminya.

Dalam PIPP ternyata sasaran pelan ini bukan hanya tertumpu kepada pentadbiran sahaja, malah melibatkan guru, ibu bapa, para pelajar dan juga masyarakat sekeliling. Jelas di sini bahawa tanggungjawab melonjakkan bidang dan institusi pendidikan negara dipikul oleh pelbagai pihak.

Kemudahan

Antara lain PIPP meletakkan sekolah di kawasan luar bandar sebagai sasaran matlamat pewujudan pelan ini memandangkan masih terdapat sekolah di kawasan luar bandar yang jauh ketinggalan berbanding sekolah di kawasan bandar terutama dari segi kemudahan, malah guru-guru pakar dalam pelbagai mata pelajaran.

Dalam pada itu, untuk mencari keseimbangan atau usaha meningkatkan imej dan pencapaian sekolah-sekolah di luar bandar, tentunya memerlukan perubahan sikap warga desa terutama dalam pendidikan.

Soal keciciran pelajaran masih tertumpu di kawasan luar bandar kerana masih terdapat dalam kalangan ibu bapa yang tidak menggalakkan anak-anak mereka belajar ke peringkat yang lebih tinggi, atau

Um - 19/1/2007

memberhentikan persekolahan anak-anak mereka apabila dihipit kemiskinan.

Jelas di sini bahawa pelan ini dikira dapat membantu menyedarkan warga desa sepenuhnya dalam hal pentingnya pendidikan ke arah mencapai kesempurnaan hidup, atau keluar dari kepompong kemiskinan yang masih berlegar dalam persekitaran hidup mereka.

Apa yang nyata, pelan ini juga mahu mempertingkatkan kelas pemulihan di luar bandar yang melibatkan 5,000 kelas bagi memperkukuh penguasaan kemahiran 3M iaitu menulis, membaca dan mengira.

Ketidakseimbangan yang wujud antara pelajar di luar bandar dan bandar dalam tiga aspek ini sudah tentu akan memburukkan keadaan kerana kemahiran asas dalam pendidikan yang gagal dikuasai oleh warga desa akan membatutkan usaha-usaha meningkatkan taraf pendidikan di luar bandar.

Di samping itu, pelan ini menekankan aspek moral kerana dalam usaha memperoleh ilmu pengetahuan dan dalam pada kita berusaha mencapai kecemerlangan, sudah tentu disiplin tidak boleh diketepikan begitu sahaja.

Masalah-masalah yang berkaitan dengan disiplin di sekolah perlu ditangani dengan lebih bijak dan berkesan supaya

apa yang kita kejar mempunyai keseimbangan iaitu antara kecemerlangan ilmu dan juga sahsiah diri.

Dalam PIPP, kementerian akan berusaha menangani masalah buli, ponteng sekolah dan sebagainya supaya dapat membentuk sahsiah pelajar tidak kira di mana. Oleh itu, Kempen Anti Buli, Kempen Anti Ponteng dan Kempen Pencegahan Salah Laku akan diperkemas dan diperhebat dan memerlukan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Pelbagai aspek dalam PIPP sebenarnya memerlukan kerjasama pelbagai pihak dan sudah tentu semua pihak yang mahu melahirkan modal insan menerusi generasi muda kita tidak akan berdiam diri sebaliknya turun padang supaya masa depan negara kita lebih dikenali di peringkat dunia.

Para pelajar khususnya yang bakal membentuk negara ke arah kecemerlangan mesti melihat PIPP ini sebagai usaha murni kerajaan mahu membawa mereka ke arah kejayaan supaya dapat membantu negara mencapai kejayaan dalam semua bidang.

- M. JASNI MAJED
Bukit Kapar,
Selangor.